

MAJLIS PELANCARAN IHYA RAMADHAN INSTUN 2026

Pada 12 Februari 2026, satu Majlis Pelancaran Ihya' Ramadhan INSTUN 2026 telah berlangsung di Auditorium Institut Tadbiran Awam Negara (INSTUN). Program ini dianjurkan oleh Seksyen Hal Ehwal Islam Bahagian Pentadbiran dan Kewangan INSTUN sebagai usaha menyemarakkan kedatangan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan serta memupuk penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan warga institut.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran yang disampaikan dengan penuh penghayatan oleh Encik Raja Azrol Hisham bin Azhar. Seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Tuan Pengarah INSTUN. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan menghidupkan bulan Ramadhan bukan sahaja melalui ibadah khusus seperti puasa dan solat, malah dengan memperkukuh nilai integriti, disiplin dan kebersamaan dalam melaksanakan tugas harian. Beliau turut merasmikan pelancaran program Ihya' Ramadhan 2026 sebagai simbol komitmen berterusan INSTUN dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti keagamaan.

Majlis turut diserikan dengan gimik pelancaran program yang kreatif dan penuh simbolik, sekali gus menambahkan lagi kemeriahan suasana. Selain itu, penyampaian hadiah kepada para pemenang Kuiz Kahoot sempena Israk Mikraj turut diadakan sebagai penghargaan atas penyertaan dan sokongan warga INSTUN dalam aktiviti ilmiah yang dianjurkan sebelum ini.

Para hadirin juga dipertontonkan montaj khas yang memaparkan rangkaian aktiviti yang bakal dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan. Antara program yang dirancang termasuklah Tadarus Al-Quran, Majlis Berbuka Puasa, serta Program Kacau-Kacau Ramadan melalui penyediaan bubur lambuk yang bertujuan memupuk semangat ukhuwah serta memperkukuh penghayatan ibadah dalam kalangan warga INSTUN.

Kemuncak majlis adalah ceramah khas bertajuk "Maqasid Puasa" yang disampaikan oleh Dr. Ustaz Muhammad Nazirul bin Mohd Sabri. Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Dalam ceramahnya, beliau menghuraikan hikmah dan tujuan utama pensyariatan puasa, antaranya untuk membentuk ketakwaan, mendidik jiwa agar lebih sabar serta meningkatkan kepekaan terhadap golongan yang memerlukan. Penyampaian yang jelas dan berilmiah itu berjaya memberi inspirasi kepada para hadirin untuk menyambut Ramadhan dengan azam dan semangat yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, Majlis Pelancaran Ihya' Ramadhan INSTUN 2026 telah berlangsung dengan jayanya. Diharapkan segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan memberi impak positif dalam membentuk warga INSTUN yang bukan sahaja cemerlang dalam kerjaya, malah seimbang dari segi rohani dan sahsiah.



